

Pelabur kecil paling ramai melabur dalam PNB

UM 27 APR 2002

ALOR SETAR 26 April — Pelabur kecil yang memiliki akaun pelaburan bernilai antara RM10 hingga RM5,000 merupakan kumpulan pelabur terbesar Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Pengerusinya, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, kumpulan tersebut yang terdiri daripada 6.7 juta pemegang akaun akan diberi perhatian bagi memupuk keyakinan mereka untuk terus melabur dalam saham-saham amanah PNB.

“Kami akan terus mengamalkan strategi pelaburan yang cermat, berhemah dan meneliti setiap pelaburan yang dibuat bagi mendapatkan pulangan jangka panjang kepada para pelabur.

“Dalam masa yang sama, setiap keputusan pelaburan yang dibuat juga menjurus kepada pelaburan berdaya saing bagi mencapai sasaran keuntungan jangka panjang,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis penutup Minggu Saham Amanah Malaysia 2002, (MSAM 2002) yang disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Berpotensi

Ahmad Sarji memberitahu keyakinan berterusan daripada masyarakat terhadap saham amanah telah menjadikannya sebagai sebuah industri yang berpotensi untuk terus maju di negara ini.

Jelasnya, antara faktor mengukuhkan lagi keyakinan para pelabur untuk terus ‘setia’ melabur dalam saham amanah ialah dengan mewujudkan satu bentuk pengurusan yang cekap, amanah dan telus.

Mengulas lanjut jumlah pelabur PNB, beliau memberitahu buat masa ini pelabur bumiputera terdiri daripada 7.2 juta orang dengan melibatkan 35 bilion unit saham amanah.

Pelabur bukan bumiputera yang melabur dalam Amanah Saham Malaysia (ASM) dan Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) pula seramai lebih kurang 750,000 orang dengan membabitkan 4.2 bilion unit saham amanah.

Tambah beliau, Minggu Saham Amanah yang merupakan acara tahunan PNB adalah untuk menyakinkan masyarakat bahawa skim tersebut merupakan pilihan pelaburan yang bijak.